

JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
JALAN MENTERI BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SYARAT-SYARAT DAN KEPERLUAN YANG MESTI DIPATUHI OLEH SEMUA PENENDER YANG INGIN MENGAMBIL BAHAGIAN BAGI SEBARANG TAWARAN DAN SEBUTHARGA DI JABATAN PERHUTANAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:-

1. Sebutharga hendaklah **dihadapkan kepada alamat** berikut:

PENGERUSI SEBUTHARGA
JAWATANKUASA SEBUTHARGA, JABATAN PERHUTANAN
ARAS BAWAH
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
JALAN MENTERI BESAR
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

2. Sebutharga hendaklah **dihantar dan dimasukkan kedalam Peti Sebutharga** berikut:

TINGKAT BAWAH, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
JALAN MENTERI BESAR
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan;
4. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan / tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti syarikat / penender;
5. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta keterangan lanjut boleh diperolehi di:

Jabatan Perhutanan
Tingkat 2, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam
Emel: jph.enquiry@forestry.gov.bn

Hari Isnin – Khamis
8.30 pagi – 4.00 petang

Tarikh Tutup Sebutharga:
13hb November 2025, 2.00 petang (Khamis)

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah;
7. Tawaran ini adalah dikhususkan untuk Syarikat-Syarikat yang mempunyai lesen tertentu di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sahaja;

8. Semua penender **mesti menghadiri Sesi Taklimat serta Lawatan ke Tapak Projek** yang akan diadakan pada:

Sebutharga: JPH/003/2549/2025-2026 TO DESIGN, SUPPLY AND INSTALL SIGNAGES AND HANDRAIL AT TRH BUKIT SHAHBANDAR HIKING TRAILS
Pada: 1hb November 2025 (Sabtu)
Jam: 9.00 Pagi
Tempat: Taman Rekreasi Hutan Bukit Shahbandar

Sebutharga: JPH/003/SH2559/2025-2026 MEMBEKALKAN PERALATAN, KELENGKAPAN DAN ALAT GANTI MESIN BAGI BAHAGIAN AMENITI DAN PERKHIDMATAN PERHUTANAN
Pada: 3hb November 2025 (Isnin)
Jam: 9.00 Pagi
Tempat: Bilik Rimbawan, Tingkat 2, Ibu Pejabat Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

9. Penender hendaklah membaca, memahami dan meneliti kesemua kandungan di dalam Borang Dokumen Tawaran dan Spesifikasi Teknikal serta mengisi semua ruang-ruang yang diperlukan dengan **LENGKAP** dan **TERATUR**;
10. Penender mestilah menyertakan salinan **SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN** seperti **Lesen Perniagaan bilangan 16 & 17, Business License** bagi Syarikat Berhad & Sendirian Berhad, Lesen-Lesen yang berkaitan seperti yang dipersyaratkan dalam tawaran ini, Sijil Pendaftaran Syarikat di Jabatan Perhutanan, Sijil-Sijil Pendaftaran dari Kementerian Pembangunan, resit pembayaran dokumen, senarai pemilik, kad pengenalan pemilik Syarikat bagi Rakyat Brunei dan / atau passport bagi warganegara asing, pengetahuan / pengalaman syarikat dan lain-lain keterangan yang berkaitan.
11. Setiap tawaran yang akan diiklankan adalah tertakluk kepada keterangan di bawah:

11.1 Tajuk Sebutharga: JPH/003/2549/2025-2026 TO DESIGN, SUPPLY AND INSTALL SIGNAGES AND HANDRAIL AT TRH BUKIT SHAHBANDAR HIKING TRAILS.

Syarat: Dibukakan kepada penender-penender yang berdaftar di Kementerian Pembangunan di dalam KELAS I KE ATAS DAN SUB KATEGORI KA 01 KERJA-KERJA AM KEJURUTERAAN AM Sub-Kontraktor dibenarkan.

11.2 Tajuk Sebutharga: JPH/003/SH2559/2025-2026 MEMBEKALKAN PERALATAN, KELENGKAPAN DAN ALAT GANTI MESIN BAGI BAHAGIAN AMENITI DAN PERKHIDMATAN PERHUTANAN

Syarat: Dibukakan khusus kepada syarikat pembekal peralatan, alat ganti dan mesin.

**BORANG PENDAFTARAN SYARIKAT (Jika belum berdaftar): \$10.00
BORANG SEBUTHARGA: \$5.00
-TIDAK DIKEMBALIKAN-**

12. SEBUTHARGA:

Tarikh terakhir untuk membeli dokumen SEBUTHARGA adalah pada:

30hb Oktober 2025 (Khamis)

JPH/003/2549/2025-2026 TO DESIGN, SUPPLY AND INSTALL SIGNAGES AND HANDRAIL AT TRH BUKIT SHAHBANDAR HIKING TRAILS

30hb Oktober 2025 (Khamis)

JPH/003/SH2559/2025-2026 MEMBEKALKAN PERALATAN, KELENGKAPAN DAN ALAT GANTI MESIN BAGI BAHAGIAN AMENITI DAN PERKHIDMATAN